



23 OCT, 2019

Cuti bersalin: Tindakan terhadap majikan ingkar

SelangorKini, Malaysia

Page 1 of 2

Cuti bersalin: Tindakan terhadap majikan ingkar

IPOH - Majikan swasta yang enggan memberi cuti bersalin selama 90 hari kepada pekerja wanita bermula 2021 akan dikenakan tindakan.

Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata, majikan swasta perlu mematuhi perkara itu yang dibentangkan semasa Belanjawan 2020.

"Sekiranya sektor awam boleh melaksanakannya mengapa tidak sektor swasta," katanya pada sidang media Karnival Prihatin JobsMalaysia 2019 di sini, pada 12 Oktober lalu.

Beliau berkata, cuti bersalin selama 90 hari perlu dilaksanakan sebagai mengikut standard antarabangsa walaupun pelaksanaannya akan dimulakan pada 2021.

"Negara kita perlu mengikut 'international standard' dan mana-mana syarikat yang enggan melaksanakannya akan dikenakan tindakan," katanya.

Pada 11 Oktober lalu, Menteri Kewangan, Lim Guan Eng ketika membentangkan Belanjawan 2020 berkata, kerajaan akan meneliti semula Akta Kerja 1955 bagi memastikan akta itu kekal relevan dengan keperluan pasaran tenaga kerja semasa.

Kajian itu meliputi empat perkara antaranya meningkatkan tempoh cuti bersalin daripada 60 hari kepada 90 hari berkuat kuasa mulai 2021.

Sementara itu, beliau berkata, insentif gaji #MalaysiaKerja akan diuruskan dan dikreditkan ke dalam akaun Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) bagi mengelakkan penyelewengan oleh pelbagai pihak termasuk majikan.

"Kerajaan akan membayar melalui KWSP kerana mereka dan majikan mempunyai rekod pekerja. Ia juga bagi mengelakkan majikan daripada menyeleweng wang itu," katanya.- BERNAMA



23 OCT, 2019

Cuti bersalin: Tindakan terhadap majikan ingkar

SelangorKini, Malaysia

Page 2 of 2

SUMMARIES

IPOH - Majikan swasta yang enggan memberi cuti bersalin selama 90 hari kepada pekerja wanita bermula 2021 akan dikenakan tindakan. Menteri Sumber Manusia, M Kulasegaran berkata, majikan swasta perlu mematuhi perkara itu yang dibentangkan semasa Belanjawan 2020. "Sekiranya sektor awam boleh melaksanakannya mengapa tidak sektor swasta," katanya pada sidang media Karnival Prihatin JobsMalaysia 2019 di sini, pada 12 Oktober lalu.